

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	21 JUNE 2016

Pas saran Dr. Mahathir banyakkan ibadah, bertaubat

um - 21/6/2016

KUALA LUMPUR 20 Jun - Pas menyifatkan kemenangan Barisan Nasional (BN) di Sungai Besar dan Kuala Kangsar adalah bukti 'taring' yang menjadi kekuatan bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad sewaktu berkuasa selama 22 tahun dahulu telah berakhir.

Sehubungan itu Ketua Dewan Pemuda Pusatnya, Nik Mohamad Abduh Nik Abdul Aziz menyarankan kepada Dr. Mahathir agar memperbanyakkan ibadah dan melakukan taubat kepada Allah, bukannya masih memikirkan soal politik ketika usianya sudahpun menjangkau 91 tahun.

Saranan tersebut berselang sehari selepas bekas Ketua Hakim Negara, Tun Abdul Hamid Mohamad menasihatkan Dr. Mahathir agar mengambil iktibar di atas penolakan rakyat terhadap pembangkang dengan tidak terus merosakkan integriti serta pencapaian hebatnya selama ini.

"Taring Dr. Mahathir secara rasminya sudah tercabut. Zaman



DR. MAHATHIR MOHAMAD



NIK MOHAMAD ABDUH

kuatannya ketika bertempur dengan almarhum ayahanda (Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat) telah berakhir. Saya sarankan Tun perbanyakkan masa berada di tikar sejadah dan juga di hadapan Kaabah.

"Jika Tun kembali kepada Allah dengan taubat yang benar, itulah sebaik-baik kehidupan di hujung hayat. Saya mendoakan," kata Nik Mohamad Abduh dalam status Facebooknya sebagai mengulas kemenangan BN serta kekalahan Pas di Sungai Besar dan Kuala Kangsar hari ini.

Dr. Mahathir yang diiktiraf se-

bagai negarawan di lewat usianya memilih bersekutu dengan DAP hanya semata-mata kerana berbeza pendirian politik dengan Datuk Seri Najib Tun Razak sehingga tergamak menggerakkan Deklarasi Rakyat bagi menggulingkan Perdana Menteri.

Bagaimanapun tindak-

tanduk bekas Perdana Menteri paling lama berkua-

sa itu tidak disenangi banyak pihak termasuk Abdul Hamid kerana dibimbangi hanya akan memecahbelahkan lagi orang Melayu sekaligus menyebabkan pengaruh politik masyarakat bumiputera kain terkakis.

Dalam pada itu, menyentuh mengenai kekalahan Pas, Nik Mohamad Abduh berkata, parti itu hilang sokongan kerana berpegang kepada prinsip dan yakin kekuatan Pas akan kembali pada masa hadapan juga disebabkan prinsip.